

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (WAWANCARA)

TARIKH: 1 JANUARI 2018

MUKA SURAT:19

PBT luar biasa, gemilang

MPSJ komited cemerlang di peringkat antarabangsa, sasar senarai 30 PBT terbaik dunia

Bukan mudah mengurus dan mengekalkan kejayaan sesebuah institusi apatah lagi jika pernah diiktiraf terbaik dalam memberi perkhidmatan kepada orang awam.

Namun jika pengurusan tertinggi memainkan peranan masing-masing diikuti kesungguhan dan komitmen di peringkat bawah tidak mustahil kejayaan demi kejayaan boleh dilakar seperti dirancang.

Bagi Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) yang pernah diiktiraf sebagai pihak berkuasa tempatan (PBT) terbaik di negara ini, usaha kini tertumpu bagi mencapai taraf Bandar Hijau dan menyasarkan menjadi antara 30 PBT terbaik di dunia menjelang tahun 2030.

Ikuti wawancara khas Wartawan Sentral, Nur Farhana Abdul Manan bersama Timbalan Yang Dipertua MPSJ, Mohd Zulkurnain Che Ali mengenai pelan perancangan, misi dan visi PBT tersebut.

Boleh ceritakan serba sedikit mengenai sejarah MPSJ?

MPSJ ditubuh mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) di bawah Seksyen 4 melalui Warta Kerajaan Negeri Selangor bertarikh 2 Januari 1997 berikutan kenaikan taraf dari Majlis Daerah Petaling. Tahun ini MPSJ sudah masuk tahun ke-20 penubuhannya. Kini dianggarkan hampir 1 juta penduduk mendiami kawasan MPSJ dengan 85 peratus daripadanya adalah Gen Y dan majoritinya berumur 45 tahun ke bawah.

Apakah visi dan misi MPSJ?

Visi kami adalah menjadi PBT terunggul bertaraf antarabangsa berteraskan Perbandaran Bestari, Kota Niaga dan Kediaman Idaman menjelang tahun 2030. Manakala misi kami menguruskan perkhidmatan perbandaran bertaraf antarabangsa ke arah menjadi perbandaran sejahtera, bestari dan dinamik. MPSJ juga berusaha mengukuhkan kerjasama strategik dan pemerksaiaan awam dalam melestarikan perbandaran.

MPSJ diiktiraf sebagai PBT terbaik di negara ini pada tahun 2014 dan mendapat penarafan lima bintang oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan di bawah Sistem Penarafan Bintang PBT. Apakah sasaran pihak MPSJ selepas meraih kejayaan ini?

Pelbagai cabaran dan kejayaan, suka duka dirasai waga MPSJ dalam menjadikan perbandaran ini sebagai yang terbaik sama ada di peringkat nasional atau antarabangsa. Kita

mahu jadikan MPSJ bukan PBT yang biasa-biasa sahaja tetapi luar biasa dan gemilang. Sasaran kita komited mahu menjadikan MPSJ sebagai PBT cemerlang di peringkat antarabangsa sekali gus tersenarai antara 30 yang terbaik di dunia.

Bagaimana sasaran ini dapat dilaksanakan?

Untuk mencapai sasaran ini, warga kerja MPSJ perlu kerja lebih kuat, perubahan demi perubahan perlu dilakukan demi menaik taraf semua yang berkaitan dengan MPSJ. Perancangan dan tumpuan kita lebih fokus kepada core business iaitu selesaikan masalah aduan sampah, lampu, longkang dan jalan serta memperhebatkan tindakan penguatkuasaan. MPSJ melaksanakan pelbagai program antaranya *Smart Vibrant City* dari segi pengurusan hinggalah kepada penyampaian perkhidmatan kepada orang awam. Fokus kita adalah memudahkan pelanggan dalam banyak perkara, antaranya termasuk permohonan lesen yang boleh diperolehi serta-merta. Kami juga melaksanakan program *townhall* bagi memberi peluang penduduk memberi pandangan, aduan dan idea secara terus kepada pengurusan tertinggi majlis, ini lebih kepada program mesra rakyat. Tahun ini kita telah menganjurkan empat (4) Siri Program *Townhall* yang tertumpu kepada kumpulan lebih kecil dibahagikan mengikut zon Jawatankuasa Penduduk (JKP), untuk menyelesaikan masalah di kawasan perbandaran dengan lebih cepat.

Adakah MPSJ sudah bersedia untuk mencapai tahap Majlis Bandaraya?

Tindakan penguatkuasaan kita tidak bergantung kepada pengaruh politik walaupun ada yang cuba masuk campur, kita masih kekal dengan Prosedur Operasi Standard (SOP) dan prosedur hanya untuk pastikan keselamatan dan kebaikan bersama antara masyarakat keseluruhannya. - Mohd Zulkurnain

MPSJ sudah penuhi semua kriteria dan layak untuk naik taraf ke status bandar raya jika diukur dari segi kepadatan penduduk, pendapatan, perkhidmatan, pembangunan dan kemudahan lain. Kita sasar sebelum tahun 2020 sudah sampai ke peringkat itu. Cadangan mengenainya sudah dikemukakan kepada pihak kerajaan negeri namun ia masih belum dapat dilaksanakan lagi ketika ini. Namun saya berpancang apa ada pada nama... kalau nama majlis bandar raya tapi dari segi kerja dan perkhidmatan setaraf atau sama macam majlis perbandaran dan majlis daerah untuk apa... tetapi bagi saya nama tetap ada nama, contohnya jenis kenderaan... benda sama keret... tetapi ada perbedaannya dari segi jenama.

Setakat ini apa usaha MPSJ dalam mencapai matlamat menjadi PBT terbaik di dunia?

Sejak adanya Yang Dipertua pertama, banyak usaha sudah dilakukan, saya hanya meneruskan apa yang mereka rancang untuk jadikan Subang Jaya bukan setakat majlis perbandaran tapi mencapai kepada majlis bendaraya bertaraf antarabangsa. MPSJ masih muda berusia 20 tahun bersifat *vibrant* dan mempunyai cita rasa yang tinggi seiring motornya. Banyak yang sudah dilaksanakan tapi masih ada yang tak lancar, kini kita dalam usaha memperkemas semuanya. Ia termasuk menangani aduan dengan segera, bekerjasama dengan agensi lain menyelesaikan masalah berbangkit dan cuba menyelesaikan masalah utama di Subang Jaya termasuk kekurangan tempat letak kereta dan kesesakan. Pihak majlis juga menggunakan pelbagai kaedah dalam mendidik masyarakat terutama dari segi penjagaan alam sekitar dan bagaimana menuju ke arah status Bandar Hijau. Dari segi

perkhidmatan kita nak balas balik kepada pembayar cukai untuk pastikan semua warga MPSJ gembira dan sentiasa mencapai tahap 'menang-menang'. Apa yang penting kita mahu setiap orang yang datang ke MPSJ memsal kelainan, memang kita tidak kisah jika orang nak bising, nak marah, nak puji atau nak serenyum... Kita akan cuba selesaikan masalah mereka. Saya pastikan pengarah setiap jabatan tahu masalah, ambil berat, turun ke tapak dan selesaikan masalah penduduk bukan sekadar bertugas di pejabat saja. Kalau boleh kita tidak mahu tunggu aduan, nampak saja masalah kita mahu ia diselesaikan. Alhamdulillah hampir 97 peratus aduan berjaya diselesaikan melebihi sasaran ditetapkan setiap tahun. Majlis juga sering mengadakan kerjasama dengan agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO) dan sektor korporat untuk menjadikan perbandaran lebih selesa didiami. Kita membina mercu tanda dan mengindahkan lagi kawasan MPSJ dalam jangka masa panjang.

Apakah kekangan atau cabaran dihadapi MPSJ?

Sebagai sebuah majlis perbandaran ramai yang beranggapan setiap masalah serta aduan perlu diselesaikan pihak kami sedangkan banyak kes dilaporkan bukan di bawah bidang kuasa PBT. Berkemungkinan ada yang tidak faham tugas dan peranan PBT dan pihak kami sering dipersalahkan sekiranya ada isu tidak diambil tindakan. Namun kami tidak membiarkan aduan begitu sahaja, agensi terlibat dirujuk untuk sama-sama bantu penduduk di MPSJ.

Zaman sekarang ini banyak yang mudah tular di laman sosial, seperti sebelum ini terdapat dakwaan wujudnya pusat perjudian, pusat siber kafe dan rumah urut dibenarkan

MPSJ. Saya tegaskan tiada kelulusan diberi kepada premis seperti ini, majlis hanya beri kelulusan untuk pusat hiburan keluarga, lesen refleksiologi untuk kecantikan dan kesihatan tapi ada yang disalahguna.

Adakah pengaruh politik campur tangan dalam tindakan diambil MPSJ?

Tindakan penguatkuasaan kita tidak bergantung kepada pengaruh politik walaupun ada yang cuba masuk campur, kita masih kekal dengan Prosedur Operasi Standard (SOP) dan prosedur hanya untuk pastikan keselamatan dan kebaikan bersama antara masyarakat keseluruhannya.

Apakah saranan kepada warga kerja MPSJ?

Kepada kira-kira 1,600 kakitangan MPSJ termasuk kontrak, saya mahukan mereka bangga menjadi sebahagian MPSJ dan sentiasa amalkan integriti serta *multitasking*. Bila ada integriti, sesuatu organisasi akan berjalan lancar dan lebih baik, jika sebaliknya meski ada pengetahuan, kepakaran, kemahiran ia tidak akan berjaya.

Harapan terhadap penduduk di MPSJ?

Saya mahu MPSJ mempunyai identiti sendiri dan menjadi PBT gemilang. Kepada masyarakat MPSJ, kita mahu jadi PBT yang lebih 'mendengar' dan inginkan situasi 'menang-menang'. Harap MPSJ dapat terus menjalin kerjasama dengan masyarakat dan mahu segala permasalahan dapat diselesaikan segera.

